KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PPP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **30 September 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Armizan: 6,409 companies registered under SKPS for RON95 subsidy as of Sept 28

**KOTA KINABALU: A total of 6,409 transport companies, involving 14,527 vehicles, have registered under the Subsidised Petrol Control System (SKPS) to access RON95 petrol subsidies as of Sept 28, according to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).**

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the figure includes 357 companies (601 vehicles) in Sabah and 146 companies (356 vehicles) in Sarawak. Registration for the programme opened on Sept 15.

"The response has been encouraging, but many companies have yet to register. We urge them to do so promptly to benefit from this initiative," he said after officiating the SKPS RON95 Customer Engagement Day for Sabah and Labuan here yesterday.

Armizan said companies that have not yet obtained their fleet cards will still be eligible to claim cash reimbursements once the programme is fully rolled out today.

To qualify, companies must have registered with SKPS and applied for a fleet card by Oct 31. Reimbursement claims will cover RON95 petrol purchases made between Sept 30 and Oct 31, or until the fleet card is issued, whichever comes first.

Claims must be submitted via the SKPS platform, along with proof of purchase, such as uploaded fuel receipts.

Armizan said SKPS and the BUDI MADANI RON95 (BUDI95) initiative for individuals form part of the government's broader strategy to address long-standing fuel subsidy leakages.

"These efforts align with the ministry's focus on strengthening enforcement and risk management through digital integration," he said.

All fuel transactions, from oil companies to petrol stations and end-users, will be digitally recorded. Companies will use fleet cards under SKPS, while individuals will use MyKad under BUDI95, enabling real-time monitoring and enforcement.

The system also enables detection of suspicious activity, such as repeated or excessive purchases, often linked to smuggling and abuse.

He said this addresses manipulation across the entire sales and purchase chain, including at petrol stations, long identified as key points in fuel smuggling operations.

KPDN is working closely with the Finance Ministry, the system owner, to flag irregular transactions.

"I remind all parties to use the RON95 petrol subsidy responsibly, whether via fleet cards, MyKad or other approved methods. Strict action will be taken against any manipulation, abuse or smuggling," he warned. – Bernama



*Armizan said companies that have not yet obtained their fleet cards will still be eligible to claim cash reimbursements once the programme is fully rolled out today.*

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 2

# Pemilik bot penumpang bakal dapat manfaat subsidi RON95

**Iskandar Dzulkifli**



ARMIZAN (dua dari kanan) mendengar taklimat daripada petugas SKPS semasa lawatan di program itu.

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengenal pasti kaedah terbaik bagi memastikan golongan pengusaha bot penumpang turut mendapat manfaat daripada penyasaran subsidi RON95.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ramai pengusaha bot penumpang khususnya di Sabah dan Sarawak yang perlu dimasukkan dalam senarai kluster layak dalam Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS).

Katanya, terdapat dua kategori yang didaftarkan dalam SKPS setakat ini iaitu kluster Pengangkutan Awam Darat melibatkan 21 jenis kenderaan dan Pengangkutan Barangan Darat dengan 12 jenis kenderaan.

"Kita tahu terdapat ramai pengusaha bot pengangkutan air awam yang turut memberikan perkhidmatan kepada masyarakat di pulau-pulau dan sungai khususnya di Sabah dan Sarawak.

"KPDN diberi tanggungjawab untuk tangani isu ini dan pihak kami akan mendapatkan data-data berkaitan daripada agensi bertanggungjawab seperti Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.

"Kedua-dua agensi ini akan mengemukakan rekod pendaftaran pelesenan syarikat-syarikat yang telah mendaftar bagi perkhidmatan bot-bot penumpang awam ini untuk penelitian KPDN.

"Seterusnya, KPDN dan MoF akan mencari satu kaedah dalam kadar segera bagi memastikan golongan ini turut mendapat manfaat daripada penyasaran subsidi RON95," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media sempena Hari Bertemu Pelanggan SKPS RON95 Peringkat Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di SICC, di sini, Isnin.

Armizan berkata, memandangkan pelaksanaan penyasaran RON95 bersubsidi bermula Selasa ini, setiap pemilik bot penumpang awam dinasihatkan supaya menyimpan rekod pembelian petrol tanpa subsidi.

Katanya, ia perlu bagi membolehkan golongan itu membuat tuntutan bayaran balik selepas kaedah penyaluran subsidi RON95 dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Kita akan selesaikan segera kaedah penyaluran subsidi kepada mereka dan untuk tempoh tarikh pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 pada 30 September ini, simpan semua rekod atau resit pembelian yang sah.

"Ia bagi beri mereka ruang untuk buat tuntutan bayaran balik tunai menerusi kaedah yang akan kita selaraskan dengan MoF dan agensi-agensi kerajaan negeri berkaitan," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# SKPS, BUDI95 perkukuh penguatkuasaan digital

Oleh **FARDY BUNGGA**

**KOTA KINABALU: Pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) dan BUDI MADANI RON95 (BUDI95) dilihat mampu memperkukuh ketangkasan penguatkuasaan serta memastikan subsidi bahan api benar-benar sampai kepada rakyat yang layak.**

Kedua-dua inisiatif itu merupakan strategi berkesan dalam menangani ketirisan subsidi petrol RON95 yang telah berlarutan sejak sekian lama.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pelaksanaan SKPS dan BUDI95 ini selaras dengan agenda penguatkuasaan digital melalui pengurusan risiko ketirisan.

Katanya, ia juga merangkumi pemantauan transaksi dan rantaian jual beli secara



TAKLIMAT .... Armizan diberikan taklimat mengenai SKPS dan BUDI95.

menyeluruh melibatkan syarikat minyak, stesen minyak, syarikat pengguna, hinggalah kepada individu.

“Dengan pelaksanaan SKPS dan juga BUDI95 iaitu penggunaan ‘Fleet Card’ dan juga MyCard ini, kita akan dapat meneliti, mengesan transaksi-transaksi yang meragukan dan ini direkodkan secara digital.

“Dan melalui rekod secara digital ini kita akan dapat mengambil tindakan dengan lebih berkesan dengan lebih segera berbanding dengan penguatkuasaan yang dilaksanakan sebelum ini, jika kita tidak mempunyai sebarang data dan maklumat secara digital tersebut,” katanya.

Armizan berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan SKPS RON95 Peringkat Negeri Sabah, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), kelmarin.

Armizan menegaskan, tindakan tegas boleh dikenakan terhadap mana-mana pihak yang melakukan manipulasi, penyelewengan atau penyeludupan petrol RON95.

Katanya, individu yang disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun, manakala syarikat boleh dikenakan denda sehingga RM2 juta, mengikut peruntukan Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].

Sementara itu, pelaksanaan rintis BUDI95 selama dua hari bermula 27 dan 28 September lalu berjalan lancar dengan melibatkan dua kategori iaitu anggota keselamatan dan penerima Sumbangan Tunai RAHMAH (STR).

Armizan berkata, berdasarkan rekod Kementerian Kewangan, seramai 27,916 pengguna di Sabah telah memanfaatkan BUDI95 pada hari kedua dengan menikmati harga subsidi RM1.99 seliter di pam.

“Alhamdulillah sistem telah berjalan secara lancar dan bagi negeri Sabah sendiri kita dapati semalam daripada awal pagi sehinggalah lewat malam, sebanyak 27,916 pengguna di Sabah telah memanfaatkan pembelian subsidi RON95 ini menggunakan MyCard.

“Untuk pendaftaran SKPS pula, sehinggalah semalam 28 September, bermula 15 September hingga 28 September, bagi seluruh negara sebanyak 6,409 syarikat telahpun mendaftar yang melibatkan 14,527 kenderaan.

“Bagi Sabah 357 syarikat dengan 601 kenderaan dan Sarawak pula adalah sebanyak 146 syarikat dengan 356 kenderaan,” katanya.

Armizan berkata, pelaksanaan penuh penyasaran subsidi petrol RON95 melalui BUDI95 akan bermula pada 30 September ini dan dijangka memberi manfaat kepada 16 juta rakyat Malaysia.

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 3



Armizan (centre) being briefed by a KPDN officer on the use of SKPS and BUDI95 transactions.

# KPDN to monitor SKPS and BUDI95 transactions to curb subsidy leakages

Elton Gomes

**KOTA KINABALU:** The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will closely monitor suspicious transactions under the Subsidized Petrol Control System (SKPS) and Budi Madani RON95 (BUDI95) programme.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the initiatives not only strengthen the delivery of petrol subsidies but also serve as an effective strategy to curb long-standing fuel subsidy leakages.

He said the approach aligns with the ministry's agenda to boost enforcement agility and manage leakage risks through integrated digital monitoring.

"Through SKPS and BUDI95, all transactions from oil companies, petrol stations, businesses and individual consumers will be digitally recorded. Purchases using fleet cards (for companies) and MyKad (for individuals) will be logged to enable swift and effective enforcement," he said at a press conference at the Sabah International Convention Centre here on Monday.

Armizan said the system can detect irregularities such as repeat purchases or abnormal volumes, addressing manipulation within the sales chain that has often facilitated smuggling and embezzlement.

The full implementation of targeted RON95 subsidies on September 30 will involve close collaboration between KPDN and the Ministry of Finance, the system's administrator, to flag suspicious activity.

"All parties must be responsible in using fleet cards, MyKad and other approved methods. Strict action will be taken against any party involved in manipulation, embezzlement or smuggling," he warned.

Offences will be charged under the Supply Control Act 1961 (Act 122) and related regulations. Individuals face fines of up to RM1 million or a maximum three-year jail term, or both, while companies risk penalties of up to RM2 million.

Meanwhile, Armizan said the government is considering extending the subsidy targeting mechanism to include public water transport in Sabah, Sarawak and the islands.

"In Sabah and Sarawak, passenger boats play an important role in community services. The Ministry of Finance has agreed in principle, and KPDN is now gathering complete data on operators from state agencies such as the Sabah Ports and Wharfs Department and the Sarawak Rivers Authority," he said.

On the pilot implementation of BUDI95 on September 27–28, Armizan said it went smoothly, covering security personnel and Sumbangan Tunai Rahmah (STR) recipients.

"According to Ministry of Finance records, by the second day, 27,916 consumers in Sabah had benefited, enjoying pump prices as low as RM1.99 per litre," he said.

The nationwide rollout of BUDI95 begins on September 30, targeting 16 million Malaysians aged 18 and above.

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 3

National

# Armizan: 6,409 companies registered under SKPS for RON95 subsidy as of Sept 28

**KOTA KINABALU:** A total of 6,409 transport companies, involving 14,527 vehicles, have registered under the Subsidised Petrol Control System (SKPS) to access RON95 petrol subsidies as of Sept 28, according to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN).

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the figure includes 357 companies (601 vehicles) in Sabah and 146 companies (356 vehicles) in Sarawak.

Registration for the programme opened on Sept 15.

"The response has been encouraging, but many companies have yet to register. We urge them to do so promptly to benefit from this initiative," he said after officiating the SKPS RON95 Customer Engagement Day for Sabah and Labuan here yesterday.

Armizan said companies that have not yet obtained their fleet cards will still be eligible to claim cash reimbursements once the programme is fully rolled out today.

To qualify, companies must have registered with SKPS and applied for a fleet card by Oct 31. Reimbursement claims will cover RON95 petrol purchases made between Sept 30 and Oct 31, or until the fleet card is issued, whichever comes first.

Claims must be submitted via the SKPS platform, along with proof of purchase, such as uploaded fuel receipts.



Armizan (right) in conversation with oil company representatives during the engagement session. — Bernama photo

Armizan said SKPS and the Budi Madani RON95 (Budi95) initiative for individuals form part of the government's broader strategy to address long-standing fuel subsidy leakages.

"These efforts align with the ministry's focus on strengthening enforcement and risk management through digital integration," he said.

All fuel transactions, from oil companies to petrol stations and end-users, will be digitally recorded. Companies will use fleet cards under SKPS, while individuals will use MyKad under Budi95, enabling real-time monitoring and enforcement.

The system also enables detection of suspicious activity, such as repeated or excessive purchases, often linked to smuggling and abuse.

He said this addresses manipulation across the entire sales and purchase chain, including at petrol stations, long identified as key points in fuel smuggling operations.

"KPDN is working closely with the Finance Ministry, the system owner, to flag irregular transactions.

"I remind all parties to use the RON95 petrol subsidy responsibly, whether via fleet cards, MyKad or other approved methods. Strict action will be taken against any manipulation, abuse or smuggling," he added. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 2

# Pendaftaran SKPS masih rendah

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendapati pendaftaran kenderaan syarikat tersenarai dalam Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) masih rendah.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, rekod KPDN setakat 15 hingga 28 September menunjukkan hanya 6,409 syarikat melibatkan 14,527 buah kenderaan di seluruh negara mendaftar SKPS.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 357 syarikat dengan 601 kenderaan adalah di Sabah manakala Sarawak dengan 146 syarikat melibatkan pendaftaran 356 buah kenderaan.

"Walaupun ada peningkatan, namun masih banyak lagi syarikat yang belum mendaftar di SKPS bagi melayakkan mereka mendapat manfaat subsidi RON95 yang bermula hari ini (Selasa).

Beliau berkata demikian semasa sidang media sempena Hari Bertemu Pelanggan SKPS RON95 Peringkat Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di SICC, di sini, Isnin.

Dalam perkembangan lain, Armizan memaklumkan pelaksanaan rintis Budi95 selama dua hari bermula Sabtu lalu melibatkan anggota keselamatan dan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), berjalan lancar.

Ahli Parlimen Papar itu berkata, di Sabah saja setakat Ahad lalu menunjukkan seramai 27,916 pengguna telah memanfaatkan pembelian subsidi RON95 menerusi penggunaan MyKad.

"Data Kementerian Kewangan (MoF) menunjukkan pelaksanaan secara berperingkat melibatkan dua kategori pengguna yang bermula 27 dan 28 Sept lalu itu telah berjalan lancar.

"Pada masa sama, situasi ini juga menunjukkan kelancaran sistem pelaksana yang digunapakai bagi pembelian subsidi RON95 ini," katanya.

Dalam pada itu, Armizan berkata, pelaksanaan SKPS dan Budi95 adalah strategi berkesan menangani ketirisan subsidi bahan api sebelum ini yang telah berlarutan sekian lama.

Pada masa sama katanya, inisiatif itu juga sejajar dengan fokus KPDN dalam meningkat ketangkasan penguatkuasaan serta pengurusan risiko ketirisan dan pengintergrasian penguatkuasaan digital.

"Melalui kaedah ini, KPDN dapat membuat penguatkuasaan dan pemantauan dengan lebih berkesan bagi sebarang transaksi meragukan seperti pembelian berulang atau dalam kuantiti tidak wajar.

"Seluruh transaksi penjualan dan pembelian dari semua peringkat akan direkod secara digital sama ada dengan kad 'fleet' dalam SKPS untuk syarikat atau MyKad dalam Budi95, sekali gus memudahkan penguatkuasaan," katanya.

Sehubungan itu katanya, KPDN akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan manipulasi, penyelewengan atau penyeludupan petrol RON95.

Armizan berkata, di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) serta peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa, sesiapa didapati bersalah boleh didenda atau penjara atau kedua-duanya sekali.

"Jika disabitkan kesalahan, denda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali, manakala denda tidak melebihi RM2 juta bagi syarikat yang didapati bersalah," tegasnya. – **Iskandar Dzulkifli**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 3

Home

# Budi95: Service counters at all KPDN branches in Sarawak ready to assist consumers

KUCHING: Service counters have been set up at all Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) branches across Sarawak in connection with the full rollout of the Budi Madani RON95 (Budi95) initiative today (Sept 30).

KPDN Sarawak director Matthew Dominic Barin said these counters would assist those seeking clarification on the scheme.

He advised residents in the rural areas to go to the nearest KPDN branch for information.

"People can come to our branches if they have any questions or uncertainties. All our officers are ready.

"The ministry operates nine branches throughout Sarawak, including its headquarters in Kuching," he told reporters at the 'Meet the Customers Day' event yesterday.

Moreover, Matthew said the Subsidised Petrol Control Scheme (SKPS) would be implemented simultaneously with Budi95, applicable for eligible public and goods transport vehicles.

Applications for SKPS opened on Sept 15.

"Transport companies are urged to register promptly to benefit from the targeted RON95 subsidy," he said.

Under this scheme, 21 types of public and commercial vehicles qualify for subsidised petrol.

To facilitate the rollout, registered transport operators must obtain fleet cards from their selected oil companies to access the subsidy.

Meanwhile, KPDN Sarawak's 'Meet the Customers Day' brought together stakeholders, including representatives of oil companies, industry players, traders' associations, consumer groups, government agencies, the media, as well as non-governmental organisations.

In his welcoming remarks, Matthew expressed appreciation to the stakeholders for their participation, before proceeding to deliver a brief background on the implementation of SKPS.

The session continued with a presentation by senior principal assistant director of the Petroleum Control Division (Controlled Goods and Subsidy Sector) Noriqram Mohd Noor, who highlighted the importance of companies to register for fleet cards to access the SKPS.

The event concluded with a question-and-answer session.

Also present were KPDN Sarawak deputy director Mohd Khairi Jamaludin, its Sarawak enforcement chief Mohd Fahmi Hasrar, and the domestic trade section chief Jacqualine M Jagang.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 5

# 'Datuk John' diheret ke mahkamah

- Dalang seludup minyak peket ke Thailand akan didakwa esok
- Bakal berdepan enam pertuduhan berkaitan penyeludupan

Oleh MUSTAQIM MOHAMED



**ANGGOTA polis membawa seorang lelaki dikenali 'Datuk John' selepas prosiding sambung reman di Mahkamah Majistret Kota Bharu kelmarin.**

**KOTA BHARU** – Seorang ahli perniagaan dikenali sebagai 'Datuk John' yang dipercayai menjadi dalang sindiket penyeludupan minyak masak peket ke Thailand akan didakwa di mahkamah esok atas enam pertuduhan menyeludup minyak masak peket ke Thailand.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, tujuh lagi individu termasuk dua anggota penguat kuasa yang ditahan berkait kes tersebut telah dibebas dengan jaminan polis.

Menurutnya, kesemua suspek kecuali 'Datuk John' dibebaskan selepas tamat tempoh tahanan reman tamat semalam.

"Hanya ahli perniagaan itu disambung reman tiga hari bermula hari ini (semalam) untuk membantu siasatan berhubung rampasan lebih 11 tan minyak masak peket bernilai RM27,625.

"Dia akan didakwa atas enam pertuduhan di mahkamah pada Rabu ini (esok)," katanya semalam.

Azman memberitahu, siasatan mendapati, sindiket yang didalangi 'Datuk John' itu disyaki menyeludup minyak masak peket ke Thailand melalui dua laluan iaitu menggunakan pangkalan haram di Sungai Golok dan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang.

Katanya, sindiket itu menggunakan laluan pangkalan haram bagi kuantiti minyak masak peket yang besar, manakala penyeludupan berskala kecil dijalankan melalui ICQS dengan kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Toyota Vellfire.

"Siasatan mendapati, kenderaan itu dipandu oleh anggota penguat kuasa berkenaan bagi memudahkan perjalanan.

"'Datuk John' dipercayai mengambil bekalan minyak masak peket dari Negeri Sembilan dan Selangor sebelum dibawa ke negeri ini seterusnya diseludup ke Thailand," katanya.

Azman berkata, sindiket berkenaan memiliki permit sebagai pembekal di Negeri Sembilan menggunakan nama individu lain dan bekalan minyak masak diperoleh akan diseludup ke Thailand untuk meraih keuntungan berganda.

*Kosmo!* baru-baru ini melaporkan, sindiket penyeludupan minyak masak peket didalangi seorang lelaki yang dikenali 'Datuk John' tumpas selepas suspek dan anak-anak buahnya ditahan menerusi Operasi Bersepadu Membanteras Penyelewengan dan Penyeludupan Barang Kawalan Bersubsidi di daerah ini dan Pasir Puteh.

Harian Metro

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 12

# Datuk John didakwa

## *Ketua sindiket seludup minyak masak dihadap ke mahkamah esok*

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**



KETUA sindiket yang dikenali sebagai Datuk John yang disyaki terbabit sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi disambung reman. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Dua penguat kuasa sebuah agensi keselamatan yang disyaki terbabit sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi didalangi 'Datuk John' didapati memandu Toyota Vellfire berisi barangan itu untuk melepasi Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, dekat sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan Azman Ismail ketika mendedahkan hasil siasatan berkata, sindiket itu menyeludup bekalan minyak masak bersubsidi menggunakan pangkalan haram di Sungai Golok selain ICQS.

"Untuk kuantiti banyak, sindiket menggunakan Sungai Golok. Manakala bagi kuantiti kecil, mereka gunakan kenderaan mewah melalui ICQS dengan ia dipandu penguat kuasa berkenaan bagi memudahkan perjalanan," katanya ditemui, semalam.

Terkini, menurut Azman, dua penguat kuasa terbabit dan lima individu lain yang ditahan Khamis lalu bagi membantu siasatan kes kegiatan penyeludupan itu dibebaskan dengan jaminan polis, semalam.

Azman berkata, semuanya dibebaskan selepas tamat tempoh tahanan reman.

"Setakat ini, hanya dalang sindiket yang digelar Datuk John berusia 28 tahun disambung reman tiga hari bermula hari ini (semalam).

"Suspek utama sindiket dijangka dituduh Rabu ini (esok) atas enam pertuduhan," katanya.

Jelas Azman, Datuk John dipercayai mengambil bekalan minyak masak bersubsidi dari Negeri Sembilan dan Selangor sebelum dibawa masuk ke Thailand.

"Mereka mempunyai permit sebagai pembekal di Negeri Sembilan dengan menggunakan nama individu lain. Bekalan minyak itu diseludup ke Thailand bagi meraih keuntungan berganda," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, lapan individu termasuk dua penguat kuasa ditahan dalam tiga operasi berasingan di Kota Bharu dan Pasir Puteh kerana disyaki terbabit dalam sindiket penyeludupan minyak masak bersubsidi, Khamis lalu.

Pada serbuan jam 7 malam, KPDN turut merampas lebih 11 tan minyak masak bersubsidi bernilai lebih RM27,600, menahan lapan anggota sindiket selain merampas dua lori, sebuah pacuan empat roda dan sebuah Toyota Vellfire.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 7

# Cooking oil smuggling syndicate leader Datuk John to be charged tomorrow

**KOTA BHARU:** The leader of a syndicate smuggling subsidised cooking oil to Thailand, who was among eight people arrested in Kelantan, is expected to be charged on Wednesday.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Kelantan director Azman Ismail said the syndicate's 28-year-old mastermind, known as 'Datuk John', had his remand order extended by three days starting yesterday.

"Datuk John is expected to be slapped with six charges on Wednesday," he told reporters at Istana Balai Besar here. The other seven people arrested were released today (Sept 29) on police bail on expiry of their remand order," he said.

Among those released were two enforcement officers arrested for alleged 'counter setting' for the syndicate.

The syndicate is said to have misappropriated and smuggled 11,050kg of subsidised cooking oil through illegal bases along Sungai Golok and the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex in Rantau Panjang.

"They transported large quantities via Sungai Golok, while smaller amounts were smuggled in luxury vehicles driven by the enforcement officers involved to ease passage," Azman said.

He said investigations also revealed that Datuk John is believed to have sourced the cooking oil from Negeri Sembilan and Selangor.

"They had permits as suppliers in Negeri Sembilan under another person's name, and the cooking oil was smuggled into Thailand for double the profit."

The eight were arrested in Rantau Panjang, Pasir Mas on Sept 25 in a joint operation involving Kelantan KPDN and the Marine Police. — Bernama

THE EDGE MALAYSIA
HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 25

# Cooking oil smuggling syndicate leader to be charged on Wednesday

Bernama

KOTA BHARU (Sept 29): The leader of a syndicate smuggling subsidised cooking oil to Thailand, who was among eight people arrested in Kelantan, is expected to be charged on Wednesday (Oct 1).

Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Kelantan director Azman Ismail said the syndicate's 28-year-old mastermind, known as Datuk John, has had his remand order extended by three days starting Monday (Sept 29).

"Datuk John is expected to be slapped with six charges on Wednesday," he told reporters at Istana Balai Besar here on Monday.

"The other seven people arrested were released today on police bail, on expiry of their remand order," he said.

Two enforcement officers arrested for alleged "counter setting" for the syndicate were among the seven released on Monday.

The syndicate is said to have misappropriated and smuggled 11,050 kilogrammes of subsidised cooking oil through illegal bases along Sungai Golok and the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex (ICQS) in Rantau Panjang.

"They transported large quantities via Sungai Golok, while smaller amounts were smuggled in luxury vehicles driven by the enforcement officers involved to ease passage," Azman said.

He said investigations also revealed that Datuk John is believed to have sourced the cooking oil from Negeri Sembilan and Selangor.

"They had permits as suppliers in Negeri Sembilan under another person's name, and the cooking oil was smuggled into Thailand for double the profit," he said.

The eight were arrested in Rantau Panjang, Pasir Mas, on Sept 25, in a joint operation involving Kelantan KPDN and Region Three marine police.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

TheStar

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 10

# Cooking oil smuggling kingpin to be charged

**KOTA BARU:** The leader of a syndicate smuggling subsidised cooking oil to Thailand, who was among eight people arrested in Kelantan, is expected to be charged tomorrow.

Domestic Trade and Cost of Living Ministry Kelantan director Azman Ismail said the 28-year-old mastermind, known as Datuk John, has had his remand order extended by three days starting yesterday.

"Datuk John is expected to be slapped with six charges," he told reporters at Istana Balai Besar here, Bernama reported.

"The other seven people arrested have been released on police bail."

Two enforcement officers arrested for alleged 'counter setting' for the syndicate were among the seven released yesterday.

The syndicate is said to have misappropriated and smuggled 11,050kg of subsidised cooking oil through illegal bases along Sungai Golok and the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex in Rantau Panjang.

"They transported large quantities via Sungai Golok, while smaller amounts were smuggled in luxury vehicles driven by the enforcement officers," Azman said.

He added the mastermind is believed to have sourced the cooking oil from Negri Sembilan and Selangor.

"They had permits as suppliers in Negri Sembilan under another person's name and the cooking oil was smuggled into Thailand for double the profit," he said.

The eight were arrested in Rantau Panjang, Pasir Mas, on Sept 25.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: SELASA

TARIKH: 30/9/2025

M/SURAT: 14

# Denda RM30,000 jual diesel bersubsidi melebihi had



JO SENG didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen Ipoh atas kesalahan menjual diesel bersubsidi melebihi had ditetapkan tahun lalu.

**IPOH** – Seorang pengusaha stesen minyak didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah menjual minyak diesel bersubsidi melebihi had ditetapkan kepada seorang pemandu lori tahun lalu.

Chew Jo Seng, 30, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Ainul Shahrin Mohamad yang turut memerintahkan tertuduh dipenjara 12 bulan jika gagal membayar denda.

Tertuduh yang juga Pengarah Syarikat Caltex Ayer Tawar Service Station Sdn. Bhd. didakwa menjual diesel kepada M. Vadidel berjumlah 1,395.348 liter di Stesen Minyak Caltex, Jalan Sitiawan di Ayer Tawar dalam daerah Manjung pada pukul 9 pagi, 1 Februari 2024.

Tindakan tersebut telah melanggar arahan Pengawal bertarikh 17 Jun 2022 perenggan 2(c) yang menyatakan bahawa pemegang lesen runcit hanya dibenarkan menjual diesel tidak lebih daripada 250 liter.

Tertuduh didakwa mengikut Peraturan 21(1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Fadhli Ab Wahab, Mohamad Nazreen Zabarudin dan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Muhamad Hanif Abd. Azis, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mengikut fakta kes, tertuduh diberkas susulan tindakan seorang pemandu lori berusia 46 tahun yang membuat pengisian bahan api ke dalam kenderaannya di stesen minyak tersebut secara berulang.

Difahamkan, bahan bakar itu telah diisi ke dalam tangki tambahan sebanyak 1,395.348 liter dengan bayaran RM3,000 menerusi lima kali pengisian secara berulang antara pukul 6.40 hingga 8.30 pagi pada 1 Februari 2024.

HARI: SELASA

TARIKH: 30/9/2025

M/SURAT: 19



JUAL DIESEL KEPADA LORI BERULANG KALI

# Pengusaha stesen minyak didenda RM30k

**Ipoh:** Seorang pengusaha stesen minyak didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah menjual diesel kepada lori secara berulang-kali membabitkan kapasiti melebihi 1,300 liter, tahun lalu.

Hakim Ainul Shahrin Mohamad turut menetapkan tertuduh, Chew Jo Seng ***(gambar)***, 30, selaku orang kena saman (OKS) dipenjara 12 bulan jika gagal membayar denda itu.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu sebagai Pengarah syarikat Ayer Tawar Service Station Sdn Bhd didapati gagal mematuhi arahan Pengawal melalui Larangan dan Kawalan Penjualan Petrol dan Diesel oleh Pemegang Lesen Runcit Bagi Pengusaha Stesen Minyak yang menyatakan kebenaran menjual diesel kepada kenderaan bernombor pendaftaran Malaysia tidak melebihi 250 liter dengan sekali transaksi ke dalam tangki asal.

Ia kerana menjual diesel berkapasiti 1,395.348 liter kepada M Vadivel yang diisi ke dalam tangki tambahan lori, justeru ia kesalahan yang melanggar Peraturan 12A Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 22(1) Akta Kawalan Bekalan 1961.

**Tertuduh beri kebenaran jual diesel berkapasiti 1,395.348 liter yang diisi ke dalam tangki tambahan lori**

Perbuatan itu dilakukan di stesen minyak, Jalan Sitiawan, Ayer Tawar dalam daerah Manjung jam 9 pagi 1 Februari 2024.

Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Nazreen Zabarudin dan Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Muhamad Hanif Abd Azis, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mengikut fakta kes, lori dipandu Vadivel didapati membuat pengisian diesel secara berulang iaitu lima kali dengan jumlah bayaran RM3,000 membabitkan kapasiti 1,395.348 liter di stesen minyak terbabit.

Tertuduh salah seorang daripada empat pengarah syarikat bagi stesen minyak itu yang menggalas tanggungjawab sepenuhnya terhadap kesalahan dilakukan pada hari kejadian kes itu.

Jo Seng memohon hukuman denda ringan kerana ia kesalahan pertama, di samping faktor perlu menjaga ibu bapa serta membayar ansuran rumah.

Muhamad Hanif meminta hukuman setimpal terhadap OKS agar menjadi pengajaran supaya kesalahan penyelewengan diesel bersubsidi tidak diambil ringan, dengan menawarkan denda RM30,000.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 10

5 REFILLS

# Petrol station owner fined for exceeding diesel sale limit



*Petrol station operator Chew Jo Seng pleaded guilty to repeatedly selling diesel in excess of the permitted limit.* NSTP PIC BY L. MANIMARAN

**IPOH:** A petrol station operator was fined RM30,000 by the Sessions Court here yesterday after pleading guilty to repeatedly selling diesel in excess of the permitted limit to a lorry fitted with an additional tank, involving more than 1,300 litres last year.

Judge Ainul Shahrin Mohamad ordered Chew Jo Seng, 30, to serve 12 months' jail if he failed to pay the fine.

The charge was read to him in Mandarin by a court interpreter.

Chew, a director of Caltex Ayer Tawar Service Station Sdn Bhd, was found to have failed to comply with the Controller's directive under the Prohibition and Control of the Sale of Petrol and Diesel by Retail Licence Holders.

This directive stipulates that diesel sales to vehicles registered in Malaysia must not exceed 250 litres per transaction into the original tank.

He was found to have sold 1,395.348 litres of diesel to M. Vadivel, which was pumped into the additional tank of a lorry.

The offence contravenes Regulation 12A of the Control of Supplies Regulations 1974, punishable under Section 22(1) of the Control of Supplies Act 1961.

The offence was committed at a petrol station on Jalan Sitiawan, Ayer Tawar, about 9am on Feb 1, 2024.

Upon conviction, the offence carries a fine of up to RM1 million, a jail term not exceeding three years, or both.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutor Mohamad Nazreen Zabarudin and Perak Domestic Trade and Cost of Living Ministry enforcement officer Muhamad Hanif Abd Azis, while the accused was unrepresented.

According to the facts of the case, the lorry driven by Vadivel had made five diesel refills at the station, totalling RM3,000 and amounting to 1,395.348 litres.

The accused was one of four directors of the company operating the petrol station and bore full responsibility for the offence committed on the day of the incident.

Chew appealed for a lighter fine, citing that it was his first offence, he had to care for his elderly parents, and he had housing loan repayments to bear.

Hanif urged the court to impose a deterrent sentence, stressing that offences involving the misuse of subsidised diesel must not be taken lightly, and proposed a fine of RM30,000.

"If the court is inclined to impose a fine, the prosecution recommends RM30,000 as agreed through representation," said Hanif.

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 7




阿米占对于沙巴州议会10月3日解散的传闻，不予置否。（图：内贸部）

## 阿米占回應在10月3傳聞

# “沙議會解散很近了”

（亚庇29日讯）沙盟（GRS）副秘书长拿督阿米占今日针对坊间盛传沙巴州议会将在来临周五（10月3日）解散一事，不愿正面置评，仅简短回应说：“已经很接近了”。

他表示，他知悉10月3日解散的传言，但无论是3日、4日或更后日期，州议会解散已是迫在眉睫，只是确切日期仍需由首席部长与州元首讨论后决定。

“如果我们观察对手阵营，他们早就展开政治活动，有些甚至因长期拉票而资金与资源消耗殆尽。更令人遗憾的是，他们的攻势已偏离正轨，甚至把焦点转移到查拉坠楼案等命案话题。”

他说，一旦州议会解散，沙盟将全面出击，各成员党竞选机制将在不同层面全面启动。

也是国内贸易及生活费部长的阿米占在出席沙巴及纳闽区汽油补贴管制（SKPS）及“仁政昌明RON 95汽油补贴”计划（BUDI 95）会客日后，回应记者提出的沙巴州选课题时这么说。

本届沙巴州议会将于11月11日自动届满和解散。

阿米占强调，作为本土政党联盟，沙盟领导层常驻沙巴，与人民紧密互动，过去五年来专注于州政事务和服务人民。

### 沙盟竞选核心政绩和未来

他透露，沙盟此次竞选的核心将锁定两大重点：一是向人民展示过去五年的执政成绩；二是提出未来五年的施政蓝图，争取新的委托。

他同时呼吁选民，应理性检视各政党过去的表现，而不是单凭新承诺来做判断。

提到潜在首长人选，阿米占直言，沙盟主席兼现任首长当仁不让，并呼吁选民同时比较其他政党的候选人长期表现。

“例如，仙本那与京那巴当岸区的国会议员，已担任国州议员数十年。如果他们声称要拯救或改变沙巴，人民就应看看他们在原有选区究竟带来了多少实质发展与改变。”

他说，选民可通过实地走访或网络渠道，了解这些地区的现状，以此判断候选人是否真正具备领导沙巴的能力。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光華日報

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 10

## 林慧英：BUDI95落实次日

# RON95全国交易额2290万

（亚罗士打 29 日讯）昌明惠泽 RON95 汽油补贴计划（BUDI95）于 9 月 28 日当天全国共录得 2290 万令吉的 RON95 汽油交易额，相等于全国范围内购买了约 1150 万公升的汽油。

财政部副部长林慧英指出，这一数字涉及大约 500 万名“慈悯援助金”（STR）受惠者，BUDI95 于 9 月 28 日已进入第 2 阶段。

她说，截至目前，该计划在各个加油站运行顺畅，没有出现任何干扰，显示政府建立的有针对性的补贴系统运作良好。

她是于周一下午巡视米都苏丹阿都哈林大道 BHPetrol 油站以了解 BUDI 95 的落实情况后，在记者会上如此表示。

此外，林慧英说，外国车辆仍然禁止购买 RON95，该措施由国内贸易及生活成本部负责执法。

“由于收到有关资格不符的投诉，陆路交通局也已更新数据库，在 9 月 30 日（明天），系统将全面开放给所有年满 16 岁以上、持有 大马卡及有效驾驶执照的 1600 万名公民。”

出席者包括财政部（政策）副秘书拿督占祖里、哥打达鲁阿曼州议员郑瑞隆、油站业者傅清海等。#

kwong-wahepaper#digipap



林慧英（左 2）巡视油站与民众交流。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報
CHINA PRESS

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 4

# 每年10萬條輪胎流入
# 未徵稅及有安全隱患

反贪会消息人士透露，当局调查发现，每年高达300个集装箱的轮胎进口到我国，其中一些轮胎可能存在安全隐患或不适合在本地使用，从而引发道路安全问题。

反贪会正在调查我国轮胎行业，有关操纵价格导致消费者负担增加等问题，同时也造成政府每年损失高达7000万令吉。

据《每日新闻》获悉，由于每年约有10万条平均每条售价1600令吉、供重型车辆使用的进口轮胎流入国内，预计政府收入每年受损高达7000万令吉。

消息指出，这些损失主要源于未能有效征收非东盟自由贸易区（AFTA）成员国轮胎的40%进口关税，以及10%的销售与服务税（SST）。

"因此，反贪会正在调查此事，并将采取进一步行动，包括在必要时开档调查。"

此前，我国曾发生多起涉及安全隐患的事件，尤其是因轮胎等机械故障而引发的道路交通事故。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 1

# 阿米占：SKPS與BUDI95全面落實
# 數碼執法 確保補貼不流失

（亚庇29日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占今日指出，政府通过“汽油补贴管控系统”（SKPS）及“仁政昌明RON 95汽油补贴”计划（BUDI 95）双管齐下，不仅强化燃油补贴的精准发放，也成为解决长期存在的补贴流失问题的重要策略。

他强调，两项系统也强化执法的数码化与敏捷性，确保政府巨额补贴真正落实到人民手中。

他表示，两项系统将全面记录从油公司、油站到企业及个人用户的所有交易。企业须使用车队卡，个人则使用大马卡购买RON95，所有数据将实时纳入系统，方便当局快速监控与执法。

“通过此举，当局能及时侦测可疑交易，如重复购买或异常数量采购，防止长期存在的走私与滥用补贴问题。”

## 滥用BUDI95 可罚百万

阿米占在出席SKPS及BUDI95计划沙巴及纳闽区会客日后召开新闻发布会，这么表示。

他提醒，BUDI95措施将于明天（9月30日）推行，内贸部将与财政部紧密配合执法。任何涉及操纵、滥用或走私者，将依1961年供应管制法令面对严厉对付，个人最高罚款100万令吉或监禁3年，或两者兼施；公司最高罚款则达200万令吉。

他补充说，BUDI95在沙巴自9月27日起试行两天，涵盖安全部队成员及“爱心援助金”（STR）受惠者。截至昨日，沙巴已有2万7916人成功使用BUDI95，以每公升1.99令吉的零售价享有补贴。

## 考虑水上业者纳入BUDI95

另一方面，阿米占表示政府亦考虑将水上公共交通业者纳入BUDI95计划，特别是在沙巴、砂拉越及离岛地区，以回应社会对船运服务补贴的需求。

“内贸部正在向负责发放客船执照的州机构，如沙巴港口与码头局及砂拉越河流局收集相关数据，作为确定最佳方案的基础，以确保它们在不久的将能够享受BUDI95补贴。”

他透露，今日举行的会客日邀请沙闽区公共陆路交通与货运业者、油公司及油站业者出席，为业者提供咨询和进行SKPS注册服务。他说，内贸部已在各州及分局设立柜台，协助不熟悉线上申请的业者顺利完成注册。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# 不合規輪胎危害安全

## 搗不法公司起僞造入口文件

（吉隆坡29日讯）反贪污委员会基于国内廉价、不合规格及走私轮胎的销售，已到了足以危害道路安全地步，且导致国家总共漏税3亿5000万令吉；当局在巴生河流域、槟城和柔佛共23个地点，针对经营进口轮胎的店面、仓库和集运箱展开多项突击行动，捣破多家涉嫌走私轮胎和伪造出入口文件的不法公司，并冻结多个个人和公司户头，涉及金额7000万令吉。



■为了增加空间囤放更多货源，业者在仓库内加建夹层。

反贪污委员会今日重拳出击，由布城反贪会特别行动组主导，内陆税收局、国家银行和关税局展开名为“Ops Grip”的联合行动。

### 5年损3.5亿税收

根据反贪会消息，这些不法活动导致政府从2020年迄今，损失至少3亿5000万令吉税收；除了冻结调查户头资金，当局也会调查业者的其他财物，以及是否涉及洗黑钱活动。

有关不符合标准的二手轮胎问题，被形容为一颗“定时炸弹”，不仅危及用户安全，更可能引发交通事故，因此当局必须采取更果断的执法行动。

反贪会特别行动组高级总监拿督莫哈末占里说，反贪会援引2009年反贪会法令第18条文及2001年反洗黑钱、反恐怖主义融资及非法活动收益法令第4（1）条文展开调查。

反贪会邀请媒体参与行动；根据《新海峡时报》引述消息人士称，主要问题之一是轮胎进口，每年可达300个集装箱；当中有些轮胎被认为不安全或不适合在大马的道路上使用，引发严重道路安全隐患。

消息说，政府每年可能因轮胎进口关税漏缴，而损失高达7000万令吉，当中涉及约10万条进口轮胎，主要用于重型车辆，每条轮胎平均售价为1600令吉。

根据报道，这些损失是基于从非东盟自由贸易区（AFTA）国家进口的轮胎未支付高达40%的进口关税，以及10%的销售与服务税（SST）。（TSI）

## MIROS：翻新輪胎直售帶來安全風險

马来西亚道路安全研究院（MIROS）董事局主席黄绍文也说，一些被进口用以翻新的轮胎，最终却被完整地，直接出售给了消费者，这带来了极大的安全风险。

他透露，有证据显示，市面上廉价、未经认证的轮胎，以及进口的二手翻新轮胎的销量，正在持续上升。

有鉴于此，他促请驾驶人士，应将安全置于价格之上，并时刻检查轮胎上，是否印有联合国法规代码或大马标准（MS）等认证标志。

黄绍文也促请执法单位，能严厉地打击未经认证的产品，以确保公路使用者，能免于受到不合格零件的威胁。

他强调，轮胎是车辆最关键的安全部件之一，一个有缺陷的轮胎，不仅会危及司机本身，更会将其他的道路使用者，一同置于风险之中。

他说，一个有缺陷的轮胎，可能会从轮辋上脱落，导致司机失控撞车；而脱落的轮胎，也可能掉落在马路中央，对其他车辆造成损坏或引发车祸。

据知，相关争议正值大马轮胎价格上涨之际，近年来轮胎价格上涨5至10%；一些消息人士称，自2022年以来，轮胎价格已翻了3倍。

尽管价格上涨通常被归咎于令吉贬值，但是人们对本地销售的进口轮胎质量与安全问题日益担忧。（TSI）

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 9

# 濫用補貼RON 95者
# 最高罰款200萬監3年
## 內貿部：操縱重複購買轉賣皆違法

（吉隆坡29日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占宣布，任何人一旦被查出滥用或走私补贴RON95汽油，个人可面对高达100万令吉的罚款，以及可被判坐牢3年；若违法者是公司，有关罚款更可高达200万令吉。

他发文告说，任何涉及操纵、重复购油、异常交易或转售行为，一律属于违法。

“执法单位将以全面数码化方式追踪这些违法行为。届时，每一个人的每一笔买油记录都能在系统里被看得一清二楚，换句话说，油站和消费者的购油记录都逃不过政府的监督。”

他说，补贴汽油控制系统（SKPS）和仁政昌明95汽油补贴机制（BUDI 95），不仅要求车主使用大马卡登记以购买补贴汽油，同时，就连企业也必须通过汽油卡（fleet card）购油，因此，一切交易都将自动被记录在案，这将方便执法部门可快速锁定可疑行为。”

“这不只是为了堵住补贴汽油走私活动，同时更是要让政府投入的巨额资金，真正精准惠及人民。任何人若心存侥幸，最终要面对的便是天价罚款和牢狱之灾。”




■RON95汽油的价格类别

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY
HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 5

## 違規濫用補貼汽油
# 個人最高罰款100萬

（吉隆坡29日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占宣布，任何人一旦被查出滥用或走私补贴RON95汽油，个人可面对高达100万令吉的罚款，以及可被判坐牢3年；若违法者是公司，有关罚款更可高达200万令吉。

他发文告说，任何涉及操纵、重复购油、异常交易或转售行为，一律属于违法。

“执法单位将以全面数位化方式追踪这些违法行为。届时，每一个人的每一笔买油记录都能在系统里被看得一清二楚，换句话说，油站和消费者的购油记录都逃不过政府的监督。”

他说，补贴汽油控制系统（SKPS）和仁政昌明95汽油补贴机制（BUDI 95），不仅要求车主使用大马卡登记以购买补贴汽油，同时，就连企业也必须通过汽油卡（fleet card）购油，因此，一切交易都将自动被记录在案，这将方便执法部门可快速锁定可疑行为。”

“这不只是为了堵住补贴汽油走私活动，同时更是要让政府投入的巨额资金，真正精准惠及人民。任何人若心存侥幸，最终要面对的便是天价罚款和牢狱之灾。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: SELASA
TARIKH: 30/9/2025
M/SURAT: 11

## 吉MADANI促銷嘉年華

# 56小時舉行創大馬紀錄

（双溪大年29日讯）国内贸易及生活成本部（KPDN）在北马区主办"仁惠MADANI促销嘉年华"，连续56小时不停歇举行，创下《马来西亚纪录大全》最长时间政府社区促销活动新纪录。

该活动于本月26日至28日在双溪大年阿曼再也广场举行，吸引逾6万人次参与，活动由迈丁霸级市场、C-Mart超市及Ban Eng Huat超市联办。会场推出逾百种日用品，包括食油、白糖、面粉及个人护理品，价格低于市价，深受消费者欢迎。




■《马来西亚纪录大全》代表（右）移交证书给莫哈末尼占（左），中为阿迪拉特诺。

仪式上，《马来西亚纪录大全》代表移交证书给吉打州主任莫哈末尼占。出席者包括该部企业发展组主任阿迪拉特诺。（CSH）

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 30/9/2025

M/SURAT: 30

# ‘Perang harga’ syarikat telco manfaat pengguna

## Laporan analisis RHB dapati dua faktor dorong penurunan ARPU

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

**Pengguna** telefon bimbit di Malaysia dijangka meraih manfaat daripada persaingan sengit dalam kalangan syarikat telekomunikasi (telco) dilihat mula memberi tekanan kepada harga, yang berpotensi membawa kepada tawaran pelan lebih murah.

Satu laporan terkini menunjukkan bahawa purata perbelanjaan pengguna untuk perkhidmatan mudah alih menurun, satu petanda jelas wujudnya ‘perang harga’ untuk memenangi hati pelanggan.

Menurut laporan analisis sektor telekomunikasi oleh RHB bertarikh 24 September 2025, Purata Hasil Per Pengguna (ARPU) gabungan untuk dua pengendali rangkaian mudah alih (MNO) terbesar negara susut sebanyak 1.5 peratus.

Penurunan ini didorong dua faktor utama iaitu, pengguna kini lebih bijak dengan memansuhkan pelan SIM tambahan yang tidak perlu dan wujudnya ‘persaingan harga’ yang hebat antara penyedia perkhidmatan.

Akibat daripada tekanan ini, hasil perkhidmatan mudah alih industri secara keseluruhan jatuh sebanyak 1.2 peratus dari tahun ke tahun pada suku kedua 2025.

Walaupun penurunan ini dilihat sebagai satu cabaran kepada keuntungan syarikat telekomunikasi, ia secara tidak langsung memberi isyarat positif kepada pengguna bahawa mereka kini mempunyai kuasa tawar-menawar lebih besar dan boleh menjangkakan pelan lebih kompetitif.

Menariknya, di sebalik penurunan hasil, syarikat ini masih berjaya mengekalkan keuntungan operasi mereka. Laporan RHB menyatakan bahawa agregat EBITDA (satu ukuran keuntungan) sektor ini sebenarnya meningkat sebanyak satu peratus pada suku kedua 2025.

Ini menunjukkan syarikat telekomunikasi sangat berdisiplin dalam menguruskan perbelanjaan dan melaksanakan ‘kawalan kos yang ketat’ untuk mengimbangi tekanan ke atas hasil jualan.

Walau bagaimanapun, terdapat satu lagi faktor mungkin memberi kesan kepada kos pada masa hadapan.

Syarikat telekomunikasi kini sedang berbincang dengan pihak kerajaan mengenai potensi pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas sewaan menara telekomunikasi. Sekiranya dilaksanakan, ia dijangka boleh memberi kesan kepada keuntungan tahunan syarikat antara satu hingga lima peratus dalam senario terburuk.

### Prestasi internet jalur lebar

Dalam pada itu, pasaran telekomunikasi Malaysia menunjukkan prestasi amat membanggakan pada peringkat serantau.

Sehingga kini, sektor telekomunikasi Malaysia mencatatkan pulangan sekitar enam peratus, menjadikannya sektor kedua berprestasi terbaik di ASEAN selepas Singapura. Prestasi ini mengatasi negara jiran seperti Indonesia dan Thailand.

Di sebalik persaingan mudah alih, pertempuran turut berlaku dalam arena internet jalur lebar tetap di rumah.

Gergasi industri, Telekom Malaysia (TM), dilihat berdepan tekanan apabila hasil internet runcitnya jatuh 4.7 peratus untuk suku kedua berturut-turut.

Ini disebabkan persaingan dan tawaran promosi yang hebat daripada pencabar lain.

Pesaing seperti Time dotCom dan CelcomDigi sebaliknya menunjukkan pertumbuhan hasil fiber di rumah lebih kukuh, antara 3 hingga 9 peratus pada suku sama.

Ini membuktikan bahawa pasaran kini lebih terbuka dan pengguna mempunyai lebih banyak pilihan berkualiti untuk perkhidmatan internet di kediaman mereka.

Di tengah-tengah perang harga ini, penggunaan teknologi 5G terus melonjak. Laporan itu mendedahkan bahawa langganan 5G di seluruh negara meningkat secara mendadak sebanyak 45 peratus dalam tempoh tiga bulan sahaja.

Walaupun syarikat telekomunikasi berdepan cabaran dari segi hasil, kebanyakan daripada mereka masih mengekalkan unjuran prestasi bagi tahun kewangan 2025.



Harian Metro

HARI: SELASA

TARIKH: 30/9/2025

M/SURAT: 2

# Kerajaan bakal haram sepenuhnya penjualan vape

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan mengharamkan sepenuhnya penjualan rokok elektronik atau vape sebagai langkah membendung penyalahgunaan produk berkenaan.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pelaksanaannya akan dibuat secara berfasa bermula dengan pengharaman sistem terbuka sebelum diperluas lagi kepada semua jenis vape sehingga meliputi keseluruhan produk.

Menurut Dr Dzulkefly, pendedahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhubung kandungan cecair vape yang mengkhayalkan mengandungi THC yang diekstrak daripada bunga ganja turut akan dibawa dalam perbincangan terperinci bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan jabatan utama.

"Perbincangan berkenaan membabitkan Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri melalui PDRM, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia serta Pejabat Penasihat Undang-undang.

"Hasil penelitian dan cadangan pelaksanaan pengharaman ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi mendapatkan persetujuan dasar, seterusnya akan menjadi asas kepada pelaksanaan pengharaman penuh rokok elektronik atau vape di dalam negara ini," katanya dalam satu kenyataan kepada Harian Metro.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 30-Sep | PJRM cipta rekod jualan tanpa henti terpanjang, 56 jam | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pjrm-cipta-rekod-jualan-tanpa-henti-terpanjang,-56-jam | RTM |
| 30-Sep | Malaysia Book of Records iktiraf Jualan Rahmah 56 jam tanpa henti | https://www.sinarharian.com.my/article/750029/berita/nasional/malaysia-book-of-records-iktiraf-jualan-rahmah-56-jam-tanpa-henti | SINAR HARIAN |
| 30-Sep | Tauke stesen minyak diden-da RM30,000 mengaku benar lori isi diesel lebih had, berulang | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269407/tauke-stesen-minyak-didenda-rm30000-mengaku-benar-lori-isi-diesel-lebih-had | HARIAN METRO |
| 30-Sep | Pengusaha stesen minyak didenda RM30,000 jual die-sel melebihi had | https://www.sinarharian.com.my/article/750053/edisi/perak/pengusaha-stesen-minyak-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had | SINAR HARIAN |
| 30-Sep | Pengusaha stesen minyak didenda RM30,000, jual die-sel melebihi had dibenarkan | https://mgperak.com/pengusaha-stesen-minyak-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had-dibenarkan/ | MG PERAK |
| 30-Sep | Lelaki didenda RM30,000 jual diesel melebihi had | https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had/ | TV3 |
| 30-Sep | Cooking oil smuggling syndi-cate leader to face six charges on Wednesday | https://thesun.my/malaysia-news/cooking-oil-smuggling-syndicate-leader-to-face-six-charges-on-wednesday-MF14992295 | THE SUN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 30-Sep | Sindiket 'Datuk John' upah penguat kuasa pandu kenderaan mewah seludup minyak masak melalui ICQS | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1451868/sindiket-datuk-john-upah-penguat-kuasa-pandu-kenderaan-mewah-seludup | BERITA HARIAN |
| 30-Sep | 'Datuk John' akan didakwa enam pertuduhan seludup minyak masak ke Thailand Rabu ini | https://www.sinarharian.com.my/article/750048/berita/semasa/datuk-john-akan-didakwa-enam-pertuduhan-seludup-minyak-masak-ke-thailand-rabu-ini | SINAR HARIAN |
| 30-Sep | Cooking oil smuggling syndicate leader to be charged on Oct 1 | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/29/cooking-oil-smuggling-syndicate-leader-to-be-charged-on-oct-1 | THE STAR |
| 30-Sep | Seludup minyak masak bersubsidi, reman 'Datuk John' disambung tiga hari | https://www.buletintv3.my/nasional/seludup-minyak-masak-bersubsidi-reman-datuk-john-disambung-tiga-hari/ | TV3 |
| 30-Sep | 'Datuk John' akan didakwa enam pertuduhan seludup minyak masak ke Siam | https://www.kosmo.com.my/2025/09/29/datuk-john-akan-didakwa-enam-pertuduhan-seludup-minyak-masak-ke-siam/ | KOSMO |
| 30-Sep | Malaysia's subsidised oil found in Thai markets as 'Datuk John' syndicate exposed | malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/malaysias-subsidised-oil-found-in-thai-markets-as-datuk-john-syndicate- | MALAYMAIL |
| 30-Sep | SPRM teliti isu industri manipulasi harga tayar bebankan pengguna | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1451800/sprm-teliti-isu-industri-manipulasi-harga-tayar-bebankan-pengguna | BERITA HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 30-Sep | MACC probes tyre industry over price manipulation, import duty leakages [WATCH] | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1283496/macc-probes-tyre-industry-over-price-manipulation-import-duty-leakages | NST |
| 30-Sep | MACC raids businesses over sale of unsuitable, uncertified tyres, alleged price manipulation [WATCH] | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1283652/macc-raids-businesses-over-sale-unsuitable-uncertified-tyres-alleged | NST |
| 30-Sep | MACC probing tyre industry for price manipulation | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/29/macc-probing-tyre-industry-for-price-manipulation | FMT |
| 30-Sep | KPDN: Tindakan tegas akan diambil terhadap penyelewengan, penyeludupan petrol RON95 | https://www.nabalunews.com/post/kpdn-tindakan-tegas-akan-diambil-terhadap-penyelewengan-penyeludupan-petrol-ron95 | NABALU NEWS |
| 30-Sep | SKPS: KPDN, Kementerian Kewangan bekerjasama kesan transaksi meragukan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-dan-kementerian-kewangan-bekerjasama-kesan-transaksi-meragukan-skps | RTM |
| 30-Sep | SKPS dan BUDI95 Perkukuh Penguatkuasaan Digital Cegah Ketirisan Subsidi – Armizan | https://sabahnews.com.my/skps-dan-budi95-perkukuh-penguatkuasaan-digital-cegah-ketirisan-subsidi-armizan/ | SABAH NEWS |
| 30-Sep | KPDN to monitor SKPS and BUDI95 transactions to curb subsidy leakages | https://www.theborneopost.com/2025/09/29/kpdn-to-monitor-skps-and-budi95-transactions-to-curb-subsidy-leakages/ | THE BORNEO POST |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 30-Sep | SKPS与BUD195全面落实数码执法确保燃油补贴不再 | https://sabah.sinchew.com.my/news/20250929/sabah/6905734 | SIN CHEW |
| 30-Sep | BUDI95: RM22.9 juta pembelian petrol RON95 direkod semalam | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/09/1269501/budi95-rm229-juta-pembelian-petrol-ron95- | HARIAN METRO |
| 30-Sep | BUDI95: RM22.9 juta pembelian petrol RON95 direkod semalam | https://www.buletintv3.my/nasional/budi95-rm22-9-juta-pembelian-petrol-ron95-direkod-semalam/ | TV3 |
| 30-Sep | 6,409 Companies Registered Under SKPS For RON95 Subsidy As Of Sept 28 - Armizan | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2472821 | BERNAMA |
| 30-Sep | Armizan: SKPS sees strong uptake for RON95 subsidy with over 6,000 companies registered | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/armizan-skps-sees-strong-uptake-for-ron95-subsidy-with-over-6000-companies-registered/192812 | MALAYMAIL |
| 30-Sep | SKPS, BUDI95 perkukuh penguatkuasaan digital, kerajaan pertimbang libatkan pengangkutan air awam | https://sabahmedia.com/2025/09/29/skps-budi95-perkukuh-penguatkuasaan-digital-kerajaan-pertimbang-libatkan-pengangkutan-air-awam/ | SABAH MEDIA |
| 30-Sep | KPDN Sarawak membantu menyalurkan maklumat subsidi diesel | https://www.tvsarawak.my/2025/09/29/kpdn-sarawak-membantu-menyalurkan- | TVS SARAWAK |
| 30-Sep | Sarawak, Sabah laksana Fleet Card BUDI95 | https://suarasarawak.my/sarawak-sabah-laksana-fleet-card-budi95/ | SUARA SARAWAK |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 30-Sep | Budi95: Service counters at all KPDN branches in Sarawak ready to assist consumers | https://www.theborneopost.com/2025/09/29/budi95-service-counters-at-all-kpdn-branches-in-sarawak-ready-to-assist-consumers/ | THE BORNEO POST |
| 30-Sep | Need help with SKPS? KPDN Sarawak opens counters Statewide as implementation begins tomorrow (Sept 30) | https://dayakdaily.com/need-help-with-skps-kpdn-sarawak-opens-counters-statewide-as-implementation-begins-tomorrow-sept-30/ | DAYAK DAILY |
| 30-Sep | Pengusaha stesen minyak didenda RM30,000 jual diesel melebihi had | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/pengusaha-stesen-minyak-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had/ | UTUSAN |
| 30-Sep | Lelaki didenda RM30,000 jual diesel melebihi had | https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had/ | TV3 |
| 30-Sep | Pengusaha stesen minyak didenda RM30,000, jual diesel melebihi had dibenarkan | https://mgperak.com/pengusaha-stesen-minyak-didenda-rm30000-jual-diesel-melebihi-had-dibenarkan/ | MG PERAK |
| 30-Sep | Petrol station operator fined RM30,000 for selling diesel above legal limit | https://www.nst.com.my/news/regional/2025/09/1283754/petrol-station-operator-fined-rm30000-selling-diesel-above-legal | NST |